



KENYATAAN MEDIA

**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR**

**INSIDEN PENCEMARAN BAU AIR MENTAH
SUNGAI SEMENYIH**

26 SEPTEMBER 2016

Saya telah dimaklumkan mengenai hasil siasatan awal dan tindakan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor Cawangan Kajang berhubung insiden pencemaran bau air mentah Sungai Semenyih baru-baru ini.

Berdasarkan siasatan JAS, didapati keadaan air sungai agak keroh dan bau yang dikesan seperti bau lumpur di muka sauk. Di samping itu, siasatan JAS di hulu muka sauk mendapati tiada sebarang bahan pencemar yang boleh menyebabkan insiden tersebut. Pihak JAS telah melanjutkan siasatan sehingga 24 September 2016.

Berdasarkan analisis pihak JAS terhadap data-data yang diberikan oleh pihak Loji Air Sungai Semenyih didapati air terawat (treated water) tidak terjejas walaupun air di muka sauk memberikan bacaan 8 ton. Bau

dikesan di muka sauk semasa siasatan dan tiada bau dikesan di bahagian hulu muka sauk.

Saya dan JAS memandang serius isu sebegini yang boleh mencemarkan bekalan sumber air kita dan individu/ syarikat yang didapati mencemarkan bekalan sumber air boleh didakwa mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Berhubung dengan insiden pencemaran yang menjejaskan operasi loji-loji bekalan air ini, saya juga ingin menggesa semua agensi berkaitan untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam mengawal dan mencegah pencemaran dari punca-punca yang tertakluk di bawah bidang kuasa masing-masing agar insiden sebegini tidak berulang lagi.

Saya juga ingin mengingatkan bahawa orang ramai boleh melaporkan sebarang insiden mencurigakan berhubung pencemaran kepada JAS melalui talian 1-800-88-2727.